



Penduduk Bukit Rengin memindahkan barangan selepas rumah mereka dinaiki air sedalam dua hingga tiga meter. [ FOTO ZULKEPLI OSMAN/ BH ]

# Banjir di tiga negeri makin teruk



» **Johor, Pahang dan Terengganu mula pindahkan penduduk**

Oleh Abdul Razak Raaff, Rosli Jalil, Azman Mahmood, Haika Khazi, Khairul Anuar Abdul Samad, Badrul Kamal Zakaria Ahmad Ismail dan Syazwan Msar  
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**B**anjir di Pahang, Terengganu dan Johor bertambah buruk semalam apabila 18,920 mangsa terpaksa dipindahkan ke 189 pusat pemindahan.

Sementara itu, semua agensi berkaitan di Kelantan pula diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga bagi membantu mangsa banjir berikutan kenaikan paras air di beberapa sungai utama sejak kelmarin.

Paling teruk ialah di Pahang apabila sehingga jam 12 tengah malam tadi, jumlah mangsa banjir di lima daerah di Pahang meningkat kepada 9,638 daripada 2,095 keluarga di Rompin, Kuantan, Pekan, Maran dan Jerantut.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang berkata, Kuantan mencatatkan jumlah mangsa paling ramai iaitu 4,148 membabitkan 916 keluarga; Rompin 3,380 (859 keluarga).

Di Pekan seramai 923 mangsa dipindahkan ke 47 pusat pemindahan, Maran (1,124 mangsa) dan Jerantut hanya satu pusat pemindahan dibuka membabitkan 63 mangsa (12 keluarga).

Jambatan Sungai Charu di Kilometer 28 Jalan Sungai Lembing-Kuantan ditutup kepada semua kenderaan berikutan air naik setinggi satu meter.

Di Johor, seramai 6,977 mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan sehingga jam 10 malam tadi selepas hujan lebat berterusan sejak dua hari lalu.

Ketua Polis Daerah Mersing, Deputy Superintendan Zulkifli

Hashim, berkata daerah Mersing paling teruk terjejas apabila mencatatkan jumlah mangsa 5,413 orang.

Segamat dengan 1,174 mangsa, Kluang (110 mangsa), Kota Tinggi (180), Muar (87) dan Batu Pahat (13) membabitkan 28 kampung.

## Bantuan awal disalur

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor, Khatijah Abdullah, pihaknya sudah menyalurkan bantuan awal di pusat pemindahan sementara terutama makanan, minuman dan selimut bagi membantu semua mangsa yang terjejas akibat banjir.



Jambatan di Kampung Sekijang yang runtuh akibat arus deras selepas hujan lebat di Segamat, semalam.

Di Segamat, jambatan di Kampung Sekijang runtuh akibat arus sungai yang deras kira-kira jam 10 pagi kelmarin. Bagaimanapun, tiada sebarang kecederaan atau kemalangan jiwa dilaporkan.

Di Terengganu, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu, berkata seramai 2,255 mangsa dipindahkan di daerah Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu, sehingga jam 6 petang semalam.

Daerah Kemaman paling ramai mangsa dipindahkan ke 27 pusat pemindahan yang membabitkan 1,756 mangsa daripada 436 keluarga.

Katanya, di Dungun seramai 255 mangsa membabitkan 68 keluarga dipindahkan ke empat pusat pemindahan yang mula dibuka semalam.


## Sungai Kemaman, lepasi paras bahaya

Di Hulu Terengganu, seramai 244 mangsa daripada 60 keluarga dipindahkan ke empat pusat pemindahan.


Portal banjir negeri melaporkan paras air di beberapa sungai di Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu sehingga jam 12 tengah hari semalam, melepasi paras bahaya.

Di Kemaman, Sungai Kemaman di Jambatan Air Jernih, paras air ialah 15.23 meter melepasi paras bahaya 14 meter manakala di Hulu Terengganu, Sungai Berang di Kampung Menerong paras air naik kepada 25.48 meter melepasi paras bahaya (24.50 meter).





Sebahagian bandar Kuantan  
**dinaiki air**, semalam.  
[ FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/ BH ]



Nik Shirdhafullah Nik Shirkhan, 12 **menunjukkan udang galah** yang terperangkap dalam lukah yang dipasang berikutan paras air Sungai Muar naik sejak awal pagi semalam di Kampung Pogoh, Segamat. [ FOTO SHAHRUL ZAIN/ BH ]



Penduduk Kampung Bukit Rengin, Kuantan **menolak kereta** yang rosak.  
[ FOTO MUSTAFFA KAMAL/ BH ]

**Perdana Menteri**, Datuk Seri Najib Razak, semalam menasihatkan mereka yang terbabit dengan bencana banjir supaya mengutamakan keselamatan masing-masing. "Penduduk di negeri-negeri yang mengalami banjir perlu berwaspada dan sentiasa utamakan keselamatan. Semoga keadaan akan beransur baik kelak," katanya dalam mesej Twitter beliau.

## INFO

### Jalan yang ditutup dan laluan alternatif

#### Johor

- ⊗ **Kilometer 7** Jalan Nitar-Kluang (guna laluan Jemaluang-Kluang)
- ⊗ **Jalan Kota Tinggi-Mersing** berdekatan Kampung Sungai Ara (Jalan Tenggara-Tanjung Sedili-Kota Tinggi)
- ⊗ **Kilometer 16** Jalan Kota Tinggi-Mersing berdekatan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Mersing kerana tanah runtuh

#### Pahang

- ⊗ **Kilometer 28**, Kuantan-Sungai Lembing
- ⊗ **Kilometer 36**, Jalan Gambang-Kuantan (jalan lama)
- ⊗ **Kilometer 16**, Nenasi-Pekan dan Kilometer 145 Jerangau-Jabor
- ⊗ **Kilometer 72** Jalan Kuantan-Segamat

#### Terengganu

- ⊗ **Jalan Bukit Diman-Pengkalan Aja-Simpang FELDA Tersat**
- ⊗ **Jalan FELDA Mengkawang-Tersat** di Kampung Lubuk Periuk dan Kampung Peneh
- ⊗ **Jalan Kemasik-Air Jernih-Ibok-Paman** berhampiran Kampung Paya Seratus
- ⊗ **Jambatan Air Putih-Teladas**
- ⊗ **Jalan Sungai Pinang**,
- ⊗ **Jalan Air Putih**,
- ⊗ **Jalan FELDA Neram 2**,
- ⊗ **Jalan Jerangau-Jabor** berhampiran Kampung Tebok dan Cheneh
- ⊗ **Kilometer 76** Jalan Bukit Besi di Dungun berhampiran Stesen Penguat Kuasa JPJ.

